

AKTA MATAWANG (PENGAL 32)
(Seksyen 12)

Menurut Seksyen 12(2) dari Akta Matawang (Pengal 32), adalah dengan ini diberitahu bagi makluman orang ramai bahawa jenis dan rupabentuk-rupabentuk wang kertas yang akan dikeluarkan oleh Lembaga Matawang Brunei pada 15 hari bulan Julai, 2000 adalah seperti yang ditunjukkan di bawah ini —

WANG KERTAS \$500

Jenis	Saiz	Sebelah Hadapan	Sebelah Belakang	Warna Yang Nyata	
				Hadapan	Belakang
\$500	175 mm & 80 mm	Potret Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah	Alat-Alat Kebesaran Di-Raja	Coklat Jingga Biru	Coklat Jingga Biru

Wang kertas ini mempunyai ciri-ciri keselamatan iaitu dicetak dengan tanda tembus Potret Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, imej pendam berbilang

lapis, cetakan fluoresen tak ketara, cetakan hologram dengan nilai angka dan HB, tepat letak tembus-pandang, benang keselamatan berjendela, cetakan mikro dengan perkataan "Negara Brunei Darussalam" dan bayangan tidak nampak yang menunjukkan Panji-panji Negara Brunei Darussalam.

DATO SERI PADUKA AWANG HAJI SELAMAT BIN HAJI MUNAP

b.p. Pengerusi,

Lembaga Matawang Brunei.